

## PENGARUH PEMIKIRAN LIBERAL DALAM MEDIA SOSIAL

Norsaleha Mohd. Salleh, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Abu Zaki Ismail  
Mohd Shairawi Mohd Noor  
[norsaleha@kuis.edu.my](mailto:norsaleha@kuis.edu.my), [noorhafizah@kuis.edu.my](mailto:noorhafizah@kuis.edu.my), [abuzaki@kuis.edu.my](mailto:abuzaki@kuis.edu.my)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh pemikiran liberal dalam media sosial. Metodologi kajian menggunakan pendekatan pemerhatian dalam media sosial kepada kumpulan yang beroperasi dalam media sosial berisiko terpengaruh dengan pemikiran liberal. Pemerhatian dilakukan terhadap komenar dan hasil tulisan yang dimuatnaik melalui laman sosial yang dimiliki oleh lima kumpulan belia berisiko terpengaruh dengan pemikiran liberal. Lima kumpulan ini dipilih berdasarkan keaktifan mereka memberikan pandangan dan pendapat terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Islam. Di samping itu juga individu yang aktif dalam kumpulan ini dikenali melalui status yang dimuatnaik dalam media sosial peribadi seperti *tweeter, facebook dan page*. Dapatan kajian mendapati kumpulan belia berisiko terpengaruh dengan pemikiran liberal mempunyai rangkaian yang saling membantu sama ada dari sudut sokongan moral dan pendapat yang saling menyokong antara satu sama lain. Kajian juga mendapati kumpulan berisiko ini hanya dianggotai oleh sekumpulan kecil anak muda tetapi lantang bersuara dan memberi pandangan terhadap isu-isu semasa terutamanya isu-isu yang melibatkan syariat Islam, mahkamah syariah dan autoriti agama di Malaysia. Kajian ini menyumbang kepada pembuat dasar negara bagi meletakkan satu garis panduan yang melibatkan belia dan penggunaan media sosial.

**Kata kunci:** kumpulan, berisiko, belia, pemikiran, liberal.

## **1.0 PENDAHULUAN**

Liberalisme merupakan pola pemikiran yang mempromosi kebebasan mutlak sama ada dalam aspek ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan agama. Pemikiran liberalisme muncul sebagai reaksi daripada penindasan gereja dan feudalisme terhadap masyarakat Barat sebelum abad ke 17. Pemikiran liberalisme menolak kuasa agama sebagai pemutus dan pembuat keputusan. Pemikiran ini bukan sahaja dianuti oleh masyarakat Barat, malah telah mempengaruhi orang-orang Islam sehingga muncul pandangan yang menolak autoriti agama dan menuntut kesamarataan gender seperti harta pusaka, menjadi imam dan wali perkahwinan. Media sosial antara tempat strategik golongan ini mempromosi liberalisme dengan pandangan yang bebas, berani dan terbuka. Muncul pandangan yang perjuangkan kebebasan mutlak, keluar dari lunas-lunas agama, tidak menyokong undang-undang syariah, mempertikaikan peraturan Islam, mahkamah syariah dan autoriti agama di Malaysia.

Pandangan ini telah mencairkan identiti Islam dengan mencampur adukkan dengan pemikiran mengikut kerangka Barat sebagai asas pemikiran. Golongan yang mempromosi pemikiran ini berusaha mentafsir semula Islam sesuai dengan kerangka pemikiran rasional dan logik tanpa mengambil kira keterangan wahyu dan tuntutan hadis Rasulullah SAW. Tafsiran semula Islam dibuat mengikut kerangka Barat yang mengagungkan Hak Asasi Manusia sebagai paksi utama segala tindakan dan keputusan. Pemikiran ini secara langsung cenderung kepada bentuk-bentuk pemikiran yang dipromosikan oleh Barat pada sekitar zaman revolusi Perancis dan renaisan yang menyaksikan kebangkitan falsafah dan pemikiran moden.

Hasilnya muncul humanisme, liberalisme, sekularisme, pluralisme, feminism dan lain-lain isme yang meletakkan manusia sebagai paksi membuat keputusan. Pemikiran yang muncul di Barat kesan daripada penindasan gereja kepada golongan ilmuan, sarjana dan masyarakat intelektual di Barat telah mempengaruhi pemikiran umat Islam terutamanya yang berasimilasi dengan Barat dan kagum dengan pemodenisasian yang diperkenalkan di Barat. Hasilnya lahirlah orang Islam yang berfikir dalam kerangka Barat dan menjadikan Barat sebagai sumber rujukan dan asas dalam berfikir. Oleh sebab itu, pada tahun 2014, Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor telah memfatwakan golongan yang berpegang dengan pemikiran liberalisme sebagai sesat dan menyeleweng daripada agama Islam.

## **2.0 KERANGKA PEMIKIRAN LIBERAL**

Kerangka pemikiran liberal merujuk kepada pandangan terhadap kehidupan, agama dan negara yang dikupas dari kacamata Barat atas asas kebebasan berfikir, hak asasi manusia dan logik akal. Golongan ini mendatangkan kekeliruan apabila mencampur adukkan dengan ayat al-Quran dan hadis dalam hujahan. Mereka mempersoalkan larangan makan dalam khayak ramai pada bulan puasa dan galakan berbuka puasa dalam gereja, mempromosikan aktiviti menyentuh anjing sebagai satu protes senyap terhadap larangan menyentuh anjing kerana hukumnya najis berat ke atas semua jenis anjing. Kerangka pemikiran liberal juga merujuk kepada pandangan yang tidak mahu menjadikan agama sebagai teras dalam perundungan negara bahkan perundungan negara hanya melibatkan aspek individu bukan pemerintahan, agama adalah soal hati manusia yang tidak boleh dipaksa dengan undang-undang, menolak amar makruf dan nahi mungkar, menolak syariat tetapi menerima maqasid, mempertikaikan kewibawaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai badan autoriti agama, mempertikaikan kewibawaan mahkamah syariah dan pelaksanaan hukum oleh mahkamah syariah, mempertikaikan dan mencabar fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan, mempertikaikan hukuman khalwat ke atas pasangan yang melakukan maksiat di atas alasan hak peribadi yang perlu dihormati.

Pemikiran liberal ini disebarluaskan melalui wacana pemikiran, tulisan dan rencana dalam media massa, media sosial dan dialog antara agama yang diadakan di universiti dan lain-lain. Secara langsung ia mempengaruhi masyarakat Islam terutama belia-belia Islam dengan hujah rasional dan logik. Kesannya belia hari ini cenderung melakukan perbuatan mengikut kehendak hati dan logik akal tanpa mengambil kira pendapat agama dan hukum halal dan haram. Kajian yang dilakukan menunjukkan terdapat belia Islam yang mengakui manusia berhak membuat keputusan tanpa terikat dengan peraturan agama, bebas melakukan apa sahaja mengikut kehendak seperti berzina, minum arak dan mengamalkan LGBT dan bergaul bebas antara lelaki perempuan (Norsaleha et al. 2015).

Kajian juga menunjukkan 19 juta rakyat Malaysia menggunakan internet dengan purata lima jam 30 minit sehari. Penggunaan internet ini telah menjadi satu bentuk medium penyampaian yang berkesan untuk menyebarkan berbagai-bagai ideologi termasuk ideologi liberal yang mempromosi kebebasan dari ikatan dan peraturan agama Islam. Sebanyak 24 laman sesawang yang dimiliki oleh kumpulan Islam dikesan berisiko mempromosi pemikiran liberal di media sosial. Kemunculan suara seperti Islamic Renaissance Front (IRF), Projek

Dialog, Komuniti Muslim Universal (KMU), DuBOOK Press dan Gerakan Anak Muda Demi Malaysia dengan pandangan yang tidak selari dengan kehendak syariat menimbulkan kekeliruan dan persoalan masyarakat. Pandangan kumpulan ini berisiko mempromosi pemikiran liberal sekaligus mengelirukan pemikiran umat Islam dengan hujah rasional yang membelakangi kehendak syara.

### **3.0 MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM PENYEBARAN PEMIKIRAN BERISIKO LIBERAL**

Media sosial (*social media*) adalah saluran pergaulan sosial secara online di internet. Para pengguna (*user*) media sosial berkomunikasi, berinteraksi, saling mengirim pesanan dan saling berkongsi maklumat serta dan membangun jaringan (*networking*). Oleh yang demikian, sosial media adalah suatu sarana yang dapat menghubungkan para pengguna dengan pelbagai cara. Andreas Kaplan dan Michael Haenlein (2010) mendefinisikan media sosial sebagai sebuah kelompok aplikasi internet yang dibangunkan berdasarkan teknologi *web 2.0* yang membolehkan penciptaan dan pertukaran maklumat pengguna *user-generated content*. Teknologi ini telah mengubah cara penggunaan internet dengan pelbagai kemudahan yang ditawarkan oleh *new media* atau media baharu. Media ini berbeza dengan media yang sebelumnya seperti e-mel dan laman web kerana media bukan sekadar dijadikan alat untuk pengedaran dan pengarkiban maklumat yang berasaskan teks tetapi juga menjadi alat yang berkeupayaan untuk menyampaikan kandungan media serta menyediakan kemudahan interaksi antara pembaca dengan penulis (Siti Ezaleila Mustafa et al. 2010).

Media sosial juga di jelaskan oleh sebagai media yang memudahkan pengguna untuk berinteraksi, berkongsi dan menciptakan pesanan dalam medium seperti blog, jaringan sosial, wiki/ensiklopedia online, forum-forum maya, *whatsapp*, *telegram*, *instagram*, *twitter* dan lain-lain. Media baharu bukan sekadar perpustakaan maklumat untuk memudahkan pengedaran maklumat kepada khalayak global, malah ia merupakan alat yang berpengaruh bagi aktiviti sosial-komunikasi. Antony Mayfield (2008) berpendapat media sosial adalah satu kelompok media baru secara online yang mencakupi beberapa ciri-ciri berikut:

- i. Penyertaan, media sosial mendorong sumbangan dan maklumbalas (*feedback*) dari setiap orang yang berminat.
- ii. Keterbukaan, hampir semua media sosial adalah terbuka untuk maklum balas (*feedback*) dan penyertaan. Ia mendorong untuk melakukan pemilihan, memberi

komen, dan berkongsi informasi. Selain itu, tiada juga sebarang halangan untuk mengakses dan membuat sumbangan bahan.

- iii. Komunikasi dua hala, media tradisional berbentuk penyiaran satu hala (dipancarkan atau disebarluaskan kepada orang ramai) manakala media sosial pula dikenali sebagai komunikasi dua hala.
- iv. Komuniti, media sosial memberi peluang komuniti dibentuk dengan cepat dan berkomunikasi secara efektif. Komuniti dapat saling berkongsi minat yang sama, misalnya fotografi, isu-isu politik ataupun program televisyen kesukaan ramai.
- v. Saling berhubung, hampir semua media sosial terhasil daripada saling berhubungan, membina pautan pada laman web, sumber-sumber dan orang ramai.

Fenomena global jaringan media sosial seperti *Facebook*, *Youtube* dan *Twitter* memberi impak kepada pengguna internet di Malaysia disebabkan kemampuannya yang membolehkan komunikasi tanpa batasan dan penyebaran maklumat secara global. Laman jaringan media sosial digunakan dengan meluas oleh pelbagai kumpulan pengguna seperti ahli akademik, ahli politik, organisasi korporat, agensi kerajaan, pelajar, dan sebagainya untuk pelbagai tujuan: perniagaan, pengajaran dan pembelajaran, penyebaran ideologi politik, komunikasi, perhubungan awam dan alat pengiklanan. Oleh kerana penggunaan tanpa batasan, pengguna bebas untuk berkongsi maklumat sama ada dalam bentuk yang positif maupun negatif. Selain itu, penerimaan media sosial juga dipengaruhi oleh beberapa faktor terutamanya faktor mudah guna, faktor kaitan dan rangkaian antara peribadi dan sosial (Ika Destiana et al. 2013). Kemudahan dan keterbukaan yang terdapat dalam media sosial sudah tentu menjadi pilihan kumpulan belia berisiko untuk mempromosikan agenda mereka dan juga membina jaringan. Setakat pemerhatian yang dilakukan di laman sesawang dengan mengambil kira kerangka pemikiran liberal, berikut adalah beberapa laman sesawang yang berisiko mempromosi pemikiran liberal dalam media sosial;

- a. <https://www.g25malaysia.org/>
- b. <http://www.sistersinislam.org.my/>
- c. <http://www.musawah.org/>
- d. <https://www.kinity.com/>
- e. <https://www.kairosdialoguenetwork.org/>
- f. <http://kmumalaysia.org/>
- g. <http://syatibi.com/>
- h. <http://penanginstitute.org/>
- i. <http://www.projekdialog.com/>

- j. <https://www.article19.org/index.php>
- k. <http://www.merdeka.org/>
- l. <http://www.lawyersforliberty.org/>
- m. <http://www.ideas.org.my/>
- n. <http://www.iri.org/>
- o. <http://www.c4center.org/>
- p. <http://www.malaysia-today.net/>
- q. <http://www.freemalaysiatoday.com/>
- r. <https://www.malaysiakini.com/>
- s. <http://gbgerakbudaya.com/home/>
- t. <https://dubookpress.com/>
- u. <https://lejen.my/>
- v. <https://kodaiobscura.wordpress.com/>
- w. <http://fixi.com.my/>

Laman sesawang ini aktif dan berisiko terpengaruh dengan pemikiran liberal dan berisiko juga mempromosi pemikiran liberal dalam media sosial.

#### **4.0 ISLAMIC RENAISSANCE FRONT (IRF)**

Islamic Renaissance Front (IRF) adalah sebuah kumpulan pemikir yang berpangkalan di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Fokus kumpulan ini kepada pemerkasaan golongan muda dan mempromosikan perbincangan intelek dalam kalangan Muslim. IRF dilancarkan pada 12 Disember 2009 oleh Tariq Ramadan, seorang pemikir dari United Kindom (UK). IRF diasaskan oleh Dato' Dr. Ahmad Farouk Musa. Beliau seorang doktor pakar bedah kardioterasik, aktif dalam pergerakan masyarakat sivil dan wacana yang baru muncul pada era yang mereka namakkan pasca-Islamisme. Beliau adalah ahli pengasas Forum Profesional Islam dan kini merupakan Pengarah di Pusat untuk Membanteras Rasuah dan Kronisme (C4) dan juga Naib Penggerusi BERSIH 2.0. IRF telah mengadakan pelbagai diskusi untuk mempromosikan demokrasi, kebebasan dan keadilan sosial. Kumpulan ini mensasarkan pembebasan pemikiran umat Islam dari ortodoks tegar dan konservatif bagi membolehkan umat Islam menghadapi cabaran semasa dengan lebih bermakna ke arah kemajuan dan kebahagiaan semua.

Visi yang dicatatkan pada laman web IRF ialah menggalakkan idea-idea pembaharuan Islam (Islah) dan pembaharuan (Tajdid) untuk dunia majmuk yang moden, memulihkan semula kedinamikan wacana intelektual Islam di Malaysia dan menyumbang kepada penubuhan negara yang inklusif dan adil di Malaysia. IRF telah menganjurkan beberapa siri diskusi seperti Wacana Pemikiran Reformis. Mereka juga menerbitkan beberapa buah buku baru dan terbitan semula iaitu Agama Lawan Agama, Wacana Pemikiran Reformis Jilid I – Jilid III, Islam Di Persimpangan Jalan , Islam, Sekularisme dan Demokrasi Liberal, Membentuk Teori Demokrasi Untuk Masyarakat Muslim, *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady*, Islam Tanpa Keekstremen, Berhujah Untuk Kebebasan, Risalah al-Qur'an Juz 30.

#### **4.1 Pemikiran Islamic Renaissance Front (IRF)**

Pemikiran IRF boleh diperhatikan melalui pandangan dalam Wacana Pemikiran Reformis Jilid II (Ahmad Farouq 2014) yang menonjolkan perkara berikut;

- i. Tidak mahu kepada negara yang menjadikan agama sebagai teras dalam perundangan negara.
- ii. Perundangan Islam hanya meliputi aspek peribadi sahaja dan tidak mencakupi aspek pemerintahan.
- iii. Agama adalah soal hati manusia yang tidak boleh dipaksa dengan undang-undang. Mereka menolak amar makruf dan nahi mungkar.
- iv. Al-Quran itu tidak cukup untuk keperluan manusia, perlu kepada akal manusia untuk mentafsirkannya.
- v. Tidak mahu kepada syariat, tetapi mementingkan maqasid.

#### **4.2 Penaja dan Jaringan Islamic Renaissance Front (IRF)**

Laporan daripada *National Endowment for Democracy* menyatakan *Islamic Renaissance Front Berhad* memperolehi dana bernilai USD 50,000 sehingga USD - 75,000 pada tahun 2012 -2015 bagi tujuan mempromosikan hubungan antara Islam dan Demokrasi. *National Endowment for Democracy* atau NED adalah sebuah organisasi non-profit yang diasaskan pada tahun 1983 dengan matlamat mempromosikan demokrasi di seluruh dunia. Dibiayai sebahagian besarnya oleh Kongres A.S dalam bentuk geran yang dianugerahkan melalui United States Information Agency (USIA). Ia mendapat tajaan dari syarikat gergasi dunia seperti

Google, Microsoft, Coca Cola dan lain-lain bagi membawa misi kebebasan, demokrasi dan hak asasi ke seluruh dunia menggunakan model US yang berteraskan sekularisme, rasionalisme, pluralisme dan lain-lain. Dengan dana yang diperoleh, mereka membiayai lebih dari 1000 projek setiap tahun di berbagai negara seluruh dunia. Dana ini akan diberikan kepada organisasi atau NGO yang ingin membawa misi dan mencapai objektif mereka. Sehubungan dengan itu IRF antara NGO yang mengadakan forum dan simposium bersiri tentang demokrasi dan Islam yang memberi peluang kepada anak-anak muda Malaysia untuk lebih memahami dan menghayati hubungan Islam dengan kebebasan sivil dan norma-norma pluralisme, kesetaraan gender, hak kewarganegaraan, dan tadbir urus yang baik. Menurut Maszlee Malik (2017), penulisan dalam buku Wacana Pemikiran Reformis Jilid III ini merupakan salah satu usaha untuk menyingkapi satu sudut dari sejarah tajdid dan islah di dalam kehidupan umat Islam pada dua kurun ke-20 dan ke-21 Masehi ini.

*Islamic Renaissance Front* (IRF) mempunyai jaringan dengan pertubuhan liberal yang lain seperti *Sister in Islam*, G25, Projek Dialog dan *Penang Institute*. Dalam satu kes *Sister in Islam* melawan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengenai isu kontroversi yang melibatkan hukuman sebat ke atas wanita Islam di bawah undang-undang jenayah Syariah. Farouq Musa dalam satu kenyataan rasmi yang dikeluarkan dalam lamanweb *Sister in Islam*, berpendapat tindakan yang sedemikian oleh pihak yang berkuasa dalam hal ehwal agama Islam hanya akan menimbulkan imej yang buruk terhadap Islam, agama yang memberi ruang yang luas kepada perdebatan yang sihat dan kewujudan perbezaan pendapat.

*Islamic Renaissance Front* (IRF) juga berkolaborasi dengan *Penang Institute* dan G25 Malaysia dalam melaksanakan projek berjenama Islam yang dinamakan Maqasid Syariah. Menurut *AIDCNews* (2017) projek ini digerakkan oleh badan pemikir Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Penang Institute dengan kerjasama dua badan liberal *Islamic Renaissance Front* (IRF) dan G25 Malaysia. Penggeraknya, Zairil Khir Johari (Christopher Lim) yang merupakan Pengarah Eksekutif *Penang Institute* dan Dr Wong Chin Huat, Penganalisis Politik dan Sosial *Penang Institute*. Zairil berkata mengapa *Penang Institute* bekerjasama dengan kumpulan moderate seperti G25 adalah untuk membawa idea-idea dan perbincangan yang lebih berfikiran terbuka mengenai Islam.

*Islamic Renaissance Front* (IRF) terlibat mengendalikan Program Dialog Antara Agama dan Budaya untuk Belia (IIDY) anjuran Komuniti Muslim Universal (KMU) dan Projek Dialog yang telah mengangkat slogan Kemanusiaan, Kehormatan dan Toleransi Anutan Kami, bertempat di Putrajaya. Dalam program tersebut Shuhaiib daripada IRF dan Victoria daripada Projek Dialog telah dijemput untuk menjadi panel penilai terhadap artikel yang bertajuk *How do you as different stakeholders in the Malaysian society, challenge and innovatively promote religious minorities' rights by consuming Marrakesh Declaration and Freedom of Religion and Belief?*

## **5.0 PROJEK DIALOG**

Projek Dialog adalah sebuah *website* yang dianggotai oleh sekumpulan belia yang membentuk wacana sosial untuk memajukan debat dan persefahaman antara pelbagai suku kaum, agama, ideologi dan cara hidup di Malaysia. Ramai dalam kalangan blogger dan penerbit media baru menulis artikel tentang bangsa dan agama. Projek Dialog menyediakan suatu ruangan dalam laman sesawangnya untuk mereka yang mahu menulis topik-topik berkaitan bangsa dan agama terutama kepada suara-suara yang terpinggir. Dengan menggunakan pelbagai platform dan media, Projek Dialog menyuarakan dan membincang isu-isu terkini untuk memupuk solidariti dan toleransi antara bangsa dan agama.

### **5.1 Warga penggerak Projek Dialog**

Kebanyakan penggerak Projek Dialog terdiri dalam golongan belia yang berbagai bidang dan kecenderungan. Seramai enam orang anak muda belia dicatat dalam laman sesawang Projek Dialog sebagai warga penggerak Projek Dialog. Fuad Rahmat adalah editor laman sesawang bagi Projek Dialog. Beliau seorang pensyarah sambilan di Nottingham University Malaysia Campus dalam bidang teori budaya dan politik. Beliau menamatkan pengajian falsafah daripada Universiti Marquette di Amerika Syarikat. Universiti Marquette, Amerika Syarikat adalah sebuah institusi yang ditaja oleh Jesuit. Beliau juga seorang pengacara untuk rancangan Night School di BFM Radio. Yana Rizal ialah seorang yang mahu belajar tentang dunia. Kagum dengan keindahan dan tidak memahami keghairahan dalam kebencian. Beliau mempercayai Malaysia kaya dengan segala kepelbagaian untuk diraikan, dan beraspirasi untuk mencerahkan dunia warga Malaysia supaya lebih penyayang, memahami dan prihatin

dalam mengenali diri. Berkelulusan CFA dalam bidang kewangan, dan kini mahu menjelajah ke alam kemanusiaan. Ingin mengenali erti Muslim yang sebenarnya dalam kehidupan.

Maryam Lee merupakan seorang penulis, penyelidik di Universiti Malaya dan pengarah siri video Dialog Jalanan. Beliau baru sahaja menamatkan pengajian ijazah dalam bidang pendidikan pada tahun 2015, kini sedang menjalankan pengajian pasca-siswazah dalam bidang pembangunan. Jason Nicholas adalah seorang perunding media dan teknologi, dengan lebih 10 tahun pengalaman dalam pelbagai bidang berkaitan. Beliau giat menyokong dan menggalakkan penggunaan teknologi untuk memupuk pembangunan dan persefahaman antara masyarakat sedunia. Victoria Cheng mempunyai ijazah sarjana muda dalam Hubungan Antarabangsa dan Bahasa Perancis dari Universiti of Nottingham Malaysia Campus. Beliau juga berminat dalam bidang Kajian Islam dan Kajian Gender, dan ingin melancong ke Timur Tengah dan Afrika suatu hari nanti. Johan Ariff merupakan graduan sarjana muda senibina. Mulai berkecimpung di dalam bidang penulisan melalui ulasan mengenai keadaan hak asasi dan keadaan seni tempatan. Kini terlibat dengan organisasi politik Sosialis Alternatif di dalam perjuangan hak pekerja.

## **5.2 Pengarah Projek Dialog**

Seramai dua orang telah dicatat sebagai pengarah kepada Projek Dialog. Sankar SB adalah pejuang Bahasa Malaysia serta pengasas dan Presiden Kumpulan Sasterawan Kavyan (Kavyan) sejak Ogos 1999. Uthaya juga pengurus Persatuan Pembangunan Kemahiran Insaniah Kaum India (Insaniah) sejak Disember 2016. Uthaya bukan ahli mana-mana parti politik dan bukan penyokong mana-mana parti politik, walaupun beliau mempunyai rakan-rakan daripada kalangan ahli parti politik. Mana kala Masjaliza Hamzah adalah seorang wartawan untuk 10 tahun sebelum menyertai kumpulan masyarakat sivil yang dipanggil *Centre For Independent Journalism*. Kini turut menjadi sebahagian daripada editor di MalaysiaKini.

## **5.3 Penasihat Projek Dialog**

Projek Dialog dicatat mempunyai tiga orang penasihat. Marina Mahathir merupakan seorang aktivis sosial yang bergiat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu HIV dan feminism. Selain daripada memegang jawatan sebagai *board member* untuk *Sisters in Islam*, beliau juga mempunyai ruang kolumn di akhbar *The Star*. Bukunya yang terkini ialah *Telling*

*it Straight* yang diterbitkan pada tahun 2012. Beliau diberi anugerah Tokoh Sepanjang Tahun 2010 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu. Mana kala Sivin Kit adalah seorang paderi, aktivis dan penyelidik dalam bidang agama, akhlak dan masyarakat di Norway. Beliau pernah bertugas sebagai paderi pelopor Bangsar Lutheran Church dan giat melibatkan diri dalam perbincangan antara budaya dan agama. Beliau berjuang dengan sandaran azamnya untuk menegakkan satu Malaysia yang adil, majmuk dan penyayang. Begitu juga Faisal Tehrani adalah Felo Penyelidik di Institut Alam dan Tamadun UKM. Selain dari kerja akademik, beliau juga aktif dan cemerlang dalam bidang drama pentas dan sastera.

#### **5.4 Pemikiran Projek Dialog**

Penulisan dalam ruangan di Projek Dialog disumbangkan oleh penulis-penulis Projek Dialog tanpa memihak kepada mana-mana kaum atau agama. Tujuan utama Projek Dialog hanyalah untuk meluaskan ruang berwacana yang berasaskan keharmonian dan persefahaman antara satu sama lain. Setiap penulis dan penyumbang membawa perspektif unik masing-masing, dan tidak semestinya mewakili Projek Dialog secara kesuluruhannya. Aktivis Projek Dialog, Maryam Lee berkongsi dalam akaun *twitter*, beberapa lukisan lama yang menunjukkan cara berpakaian wanita Melayu tradisional yang berkembang. Menurut beliau gambar yang dikongsikan itu menunjukkan amalan isteri-isteri para ulama silam. Kata Maryam lagi, ini adalah cara pemakaian terhormat dan bermaruah.

Pameran di Balai Seni Visual Negara. Absolutely love love love how our peasant Malay women are depicted with honour and dignity <3 pic.twitter.com/S3SFbTxfBG — Mrym. (@mrymller) June 12, 2017

Maryam Lee juga meluahkan rasa kecewanya mengenai amalan umat Islam yang mendidik anak-anak perempuan mereka untuk memakai tudung. Beliau berkata, “Tidak ada yang lebih mematahkan hati saya daripada bayi-bayi perempuan dilatih memakai tudung seawal usia 2 tahun”.

“Nothing breaks my heart more than baby girls being “trained” into the hijab as early as 2 years old. — Mrym. (@mrymller) 24 May 2017”.

Maryam sekarang aktif mempromosikan kisah hidupnya selepas membuka tudung untuk bacaan ramai di laman *twitter* beliau, disertakan dengan hashtag #dehijabingjurnal.

Beliau yang kini memilih untuk tidak bertudung menyatakan bahawa, amalan bertudung adalah isu khilaf dalam kalangan ulama. Menurutnya lagi, terdapat pilihan untuk tidak bertudung walaupun ianya pendapat minoriti.

“Mitos. Itu bukan “zaman jahiliyah”. Isteri-isteri ulama juga berpakaian seperti ini dan pakaian mereka ini adalah terhormat. <https://t.co/SX2JTLSPi> — Mrym. (@mrymller) June 12, 2017”

Beliau juga mendakwa bahawa budaya tidak menutup kepala sebenarnya telah ditenggelamkan dan beliau hanya membawanya kembali kepada perhatian umum. Sehubungan dengan itu Maryam membela pendapatnya dengan berkata, “Saya tidak menentang Islam. Saya hanya mengembalikan apa yang telah disorokkan ke permukaan.” Kata-kata itu diakhiri dengan ungkapan *Let There Be Light*, sebuah ungkapan terkenal yang berasal dari kitab Genesis bab 1 ayat 3 Bible, sebaik Tuhan mahu yang terang menyuluh kegelapan.

*Contrary to accusations, I am not going against Islam. I am simply bringing back what has been repressed to the surface. Let there be light!* — Mrym. (@mrymller) May 25, 2017

Pada bulan Ramadan, Maryam Lee menimbulkan kontroversi dengan melakukan provokasi makan dalam khalayak ramai ketika umat Islam sedang berpuasa. Beliau yang ketika itu masih bertudung, melakukannya untuk mendapatkan perhatian supaya umat Islam di Malaysia memberi tumpuan kepada sejenis iktikad agama yang dipegangnya. Perjuangan Maryam Lee ini mendapat sokongan daripada Siti Kasim yang menempelak majoriti umat Islam di Malaysia sebagai pengikut agama Arab.

## **6.0 PENAJA DAN JARINGAN**

Projek Dialog juga mendapat dana daripada *National Endowment for Democracy* bernilai USD 25,000 pada tahun 2016. Projek Dialog mempromosikan perbincangan terbuka, reflektif dan bermakna dalam kalangan belia mengenai kepelbagaiannya dan kemasukan di Malaysia. Projek ini menggalakkan penghayatan pluralisme melalui media sosial dan interaksi dalam kalangan anak muda Malaysia dari pelbagai latar belakang dan kepercayaan, termasuk masyarakat terpinggir seperti penduduk asli dan ahli masyarakat Syiah. Pro Article 19, ditubuhkan pada tahun 1987, sebuah organisasi hak asasi manusia British yang mempromosikan dan mempertahankan kebebasan bersuara dan maklumat secara global.jek

Dialog juga mempunyai jaringan dengan Komuniti Muslim Universal (KMU) dan Islamic Renaissance Front (IRF) melalui kerjasama dalam pengajuran program Dialog Antara Agama dan Budaya untuk Belia (IIDY) bertempat di Putrajaya.

Program ini mempunyai objektif untuk menggunakan slogan Kemanusiaan, Kehormatan dan Toleransi Article 19, ditubuhkan pada tahun 1987, sebuah organisasi hak asasi manusia British yang mempromosikan dan mempertahankan kebebasan bersuara dan maklumat secara global. Anutan Kami. Projek Dialog juga membina jaringan berkerjasama dengan *Article 19* dalam meningkatkan tahap kesedaran kepentingan hak kebebasan bersuara serta semangat toleransi antara agama di Malaysia. *Article 19* adalah sebuah organisasi hak asasi manusia British yang ditubuhkan pada tahun 1987 bagi mempromosikan dan mempertahankan kebebasan bersuara dan maklumat secara global.

Projek Dialog bekerjasama dengan Stesen radio BFM menerbitkan video kontroversi berdurasi 1 minit 55 saat yang bertujuan untuk mengajak penonton mempertimbangkan beberapa persoalan mengenai pelaksanaan hudud. Stesen radio BFM telah memohon maaf selepas video itu mendapat kecaman dan menimbulkan kemarahan rakyat. Sivin Kit bersama-sama dengan beberapa aktivis LGBT beragama Islam telah menganjurkan program Puasa Untuk Malaysia ketika umat Islam yang lainnya sedang berpuasa pada bulan Ramadan. Program Puasa Untuk Malaysia ini turut dipromosikan oleh tokoh wanita yang beragama Islam dan tidak beragama Islam.

Projek Dialog juga mempunyai jaringan bersama *Penang Institute* dalam menganjurkan *Peace Symposium 2016* di Kuala Lumpur. Simposium ini menjemput Zuhairi Misrawi tokoh Islam Liberal Indonesia, Saudara Zuhairi daripada DAP dan Dr Wong dari *Penang Institute*. Menurut Ahmad Fuad Rahmat (2015) Projek Dialog sering bekerjasama dengan kumpulan lain untuk kepentingan bersama. Projek Dialog juga adalah platform atas talian yang digunakan untuk menggalakkan perbincangan dan pertukaran idea tentang isu-isu marjinal. Isu-isu yang tidak mendapat perhatian media arus perdana termasuklah isu minoriti agama, hak asasi, alam sekitar dan isu budaya yang sering dipinggirkan.

## **7.0 KOMUNITI MUSLIM UNIVERSAL (KMU) MALAYSIA**

Komuniti Muslim Universal Malaysia (KMU) adalah sebuah badan bukan kerajaan yang menyokong wacana dan hak asasi manusia dan nilai-nilai progresif agama. KMU Malaysia

berhasrat untuk menyuarakan dan menekankan prinsip-prinsip dalam al-Quran dan al-Hadith seperti kesamarataan, kasih-sayang, keadilan sejagat dan kehormatan sesama manusia. Komuniti ini mempunyai visi dan misi bagi menyuarakan dan menekankan prinsip-prinsip asas dalam al-Quran dan al-Hadith seperti kesamarataan, kasih sayang, keadilan sejagat dan kehormatan manusia supaya pada akhirnya umat Islam akan merujuk sumber-sumber tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang dinyatakan. KMU berpegang kepada identiti kolektif yang menerima sesiapa pun yang mengakui dirinya seorang Muslim. Kebenaran dan ketelusan tuntutan tersebut adalah antara individu dan Tuhan, dan ianya bukan urusan atau isu orang lain untuk menilai.

KMU juga berpegang kepada kesamarataan antara semua manusia, tidak mengira kaum, seks, jantina, pengenalan jantina, etnik, kecenderungan ketertarikan atau kemampuan. KMU komited untuk bekerja dengan masyarakat antarabangsa yang menjamin peluang sosial, pendidikan dan ekonomi kepada semua. KMU juga berpegang kepada pengasingan institusi Agama dan negeri di mana kerajaan sekular adalah cara yang terbaik untuk mencapai Islam yang ideal bebas dari paksaan dalam beragama. KMU menyokong penuh kebebasan bersuara dan kebebasan untuk berbeza pendapat. Tiada seorang pun yang layak didakwa, dipenjara atau ditahan kerana mengisyiharkan atau menyebarkan pendapat yang berbeza dari majoriti, sama ada ianya berkaitan dengan politik, artistik, sosial atau agama. Mahupun pendapat tersebut bersifat mengancam dan berbentuk penodaan terhadap agama. KMU mendokong keadilan sosial, ekonomi dan alam sekitar. KMU percaya bahawa proses merealisasikan sepenuhnya potensi diri dalam keadaan yang aman dan mampan ialah prasyarat untuk kebebasan, kesopanan dan keamanan. KMU juga menyokong usaha pihak tertentu dalam penubuhan dan penggalakan pusat penjagaan kesihatan, pendidikan awam, perlindungan alam sekitar dan pembasmian kemiskinan.

KMU menyokong kesamarataan gender dan keadilan reproduksi dan pemerkasaan wanita di dalam membuat keputusan berkenaan dengan tubuh, seksualiti dan reproduksi mereka. KMU menyokong hak asasi dan sivil golongan lesbian, gay, biseksual, transjantina, interseks dan *queer*. KMU komitmen untuk menghapuskan diskriminasi berdasarkan orientasi seksual dan identiti jantina. KMU juga menyokong penuh kesamarataan dan penglibatan semua individu tanpa mengira orientasi seksual dan identiti jantina dalam kalangan masyarakat dan komuniti Muslim. KMU menggalakkan tafsiran ayat-ayat al-Quran yang menggarapkan prinsip toleransi, keterangkuman, ihsan, kasih-sayang dan keadilan.

KMU menyahut penglibatan kritis di dalam kitab Islam, hukum-hakam dan wacana kontemporari. KMU percaya bahawa pemikiran kritis adalah pemangkin kepada pembangunan rohani.

KMU menekankan bahawa keadilan dan kasih-sayang perlu dijadikan panduan di dalam semua aspek kelakuan manusia. KMU menolak keganasan, sama ada terhadap individu, organisasi atau entiti lain. KMU berpegang kepada pluralisme dan kepelbagaian ilham yang menggalakkan keadilan. KMU menekankan bahawasanya satu-satu agama dan kepercayaan tidak berbentuk sumber kebenaran yang tunggal. KMU melibatkan diri di dalam kepelbagaian kefalsafahan dan kerohanian untuk meneruskan dunia yang lebih adil, aman dan lestari.

## **8.0 JARINGAN KOMUNITI MUSLIM UNIVERSAL**

KMU mempunyai jaringan antarabangsa seperti *Muslim for Progressive Values, United States of America, Netzwerk Bildung und Religion e.V. Jerman, United Nations Major Group for Children and Youth (UNMGCY) dan Alliance of Inclusive Muslims (AIM)*. Manakala jaringan tempatan adalah seperti *Sisters in Islam (SIS), Institute for Democratic and Economic Affairs (IDEAS) dan Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process (COMANGO)*. Komuniti Muslim Universal (KMU), juga dianggotai oleh Calvin Ohsey, seorang pendakwah agama Kristian, yang juga pernah berkhidmat sebagai kolumnis di laman web Projek Dialog.

KMU juga pernah mengadakan program kunjungan ke gereja Bangsar Lutheran Church di tempat Sivin Kit berkhidmat. Sewaktu berada di sana, salah seorang aktivis KMU yang beragama Islam mendoakan Sivin Kit dengan menyeru Tuhan Yesus agar memakbulkan doanya itu.

### **8.1 DuBOOK Press**

Laporan yang dikeluarkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan Biro Tatanegara (2015) menunjukkan DuBOOK Press merupakan antara syarikat penerbitan buku indie tempatan dengan bermotto Liar & Angkuh. Antara penerbit buku indie lain yang disenaraikan oleh BTN ialah Studio Anai-Anai, Merpati Jingga, Lejen Press, Poket Press, Selut Press, Terfaktab, Kaukab, Fixi dan sebagainya lagi. Menurut portal rasmi mereka, DuBOOK Press

adalah sebuah badan penerbitan bahan bacaan yang lahir pada tahun 2010 hasil dari kekecewaan terhadap penerbit utama kerajaan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang dikatakan lebih gemar bermesyuarat makan karipap dan menerbitkan buku-buku hidup segan mati tak mahu. Menurut DuBOOK Press lagi, mereka akan menerbitkan buku-buku untuk pasaran niche dengan matlamat menyemarakkan selera membaca dalam kalangan rakyat Malaysia agar setaraf dengan selera makan nasi lemak atau roti canai mereka. Namun, perlu diakui bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka telah banyak menerbitkan buku berkualiti untuk orang awam sama ada berbentuk penyelidikan, rujukan akademik atau pembacaan peribadi yang jarang-jarang diterbitkan penerbit alternatif mahupun indie. Ia kembali kepada tujuan asal penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu membumikan ilmu dan menjadi institusi terpenting bagi golongan yang benar-benar serius mengupas ilmu dengan lebih mendalam.

Oleh itu, mereka (penerbit indie) menyatakan bahawa buku-buku yang diterbitkan oleh DuBOOK Press adalah langsung tidak seperti buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka kerana kalaulah ianya sama, nescaya buku kami juga hidup segan mati tak mahu. Namun apa yang menghairankan, DuBOOK Press cuba menafikan bahawa mereka bukan penerbit buku indie sebagaimana yang dikatakan oleh sesetengah pihak. Menurut mereka lagi, penerbitan buku yang mereka usahakan itu hanyalah untuk bermiaga sahaja demi menyahut matlamat kerajaan ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Persoalannya, jika benar matlamat mereka hanya untuk bermiaga, kenapa perlu memperlekehkan Dewan Bahasa dan Pustaka? Jika benar mereka bukan penerbit buku indie, kenapa begitu banyak sekali buku indie diterbitkan oleh mereka? Sumbangan terbesar industri penerbit indie hanyalah menerbitkan penulisan atau karya anak muda. Gaya penulisan yang santai juga menjadi antara sebab mengapa ia bersifat populis. Kajian Zarina Zainol dan Zaiton Endot (2006) menunjukkan kemudahan bahan atau material pembacaan membantu meningkatkan frekuensi atau jumlah pembacaan santai (*recreational reading*) seseorang. Pembacaan secara santai atau pembacaan santai seperti majalah, novel, puisi atau sajak, suratkhabar dan sebagainya bermaksud membaca sesuatu yang tidak begitu diperlukan. Namun begitu, tidak dinafikan, terdapat juga beberapa judul buku indie yang baik, berunsur dakwah terhadap anak muda dan tidak lucah seperti buku-buku islamik Penerbitan Wahai.

Salah satu buku terbitan DuBOOK Press bertajuk Sekolah Bukan Penjara, Universiti Bukan Kilang, karya Zul Fikri Zamir. Buku indie ini dicetak sebanyak lapan kali semenjak tahun 2013 sehingga tahun 2015. Kata Pengantar buku ini diberikan oleh Dr. Mohd Faizal

Musa (Faisal Tehrani) di bawah catatan Musim Monsoon di Malaysia: Teriak Anak Muda. Buku ini mengkritik sistem pendidikan di Malaysia dan dibahagikan kepada empat tema utama iaitu Mahasiswa dan Kebebasan Akademik, Pendidikan Nasional, Politik dan Sosial serta Kritik Teater. Penulisnya Zul Fikri Amir merupakan seorang aktivis pendidikan yang mengasaskan gerakan *Teach for The Needs* (TFTN). Ia sebuah gerakan yang memberi khidmat pendidikan secara percuma kepada kumpulan sasaran terutamanya anak-anak golongan miskin dan gelandangan.

## **8.2 Gerakan Anak Muda Demi Malaysia (Demi Malaysia)**

Gerakan Anak Muda Demi Malaysia merupakan satu kumpulan anak muda dari pelbagai latar belakang yang berpayungkan cita-cita ingin membina Malaysia yang lebih baik. Demi Malaysia lahir pada tahun 2015 dicelah-celah kemelut politik negara. Selain berjaya menghimpunkan anak muda, Demi Malaysia pernah menggerakkan protes #TangkapNajib pada 1 Ogos 2015 di mana 30 aktivis Demi Malaysia ditahan dan masuk penjara. Gerakan ini aktif melakukan siri-siri perjumpaan dengan gerakan dan sayap pemuda, front mahasiswa, menganjurkan forum, diskusi dan rapat umum bagi menyatukan gerakan anak muda dalam satu barisan. Mereka merujuk kepada kata hikmah Abraham Lincoln, masyarakat yang terpecah tidak akan mampu bertahan. Sudah pasti begitu juga dengan anak muda. Anak muda yang tidak berdiri dalam barisan yang tersusun kukuh, sudah pasti tidak mampu mendatangkan manfaat buat negara. Terdapat enam orang anak muda yang dicatat menjadi penggerak Gerakan Anak Muda Demi Malaysia ini. Mereka terdiri daripada Adam Adli, Syukri Razab, Mandeep Singh, Anis Syafiqah, Safwan Anang dan Chan Tsu Chong.

## **8.3 Pemikiran Gerakan Anak Muda Demi Malaysia**

Kongres Anak Muda Malaysia 2017 adalah merupakan satu inisiatif dari Gerakan Anak Muda Demi Malaysia. Ia bertujuan untuk menghimpunkan anak muda dari semua latar belakang bagi membincangkan hala tuju dan masa depan negara dan mencari titik pertemuan antara gerakan anak muda, serta individu yang prihatin tentang permasalahan dan masa depan negara. Kongres ini mengeluarkan 13 deklarasi dengan nama deklarasi 13 Mei yang menekankan aspek pendidikan percuma, peluang pendidikan tanpa kira bangsa dan kerakyatan, kebebasan institusi pengajian tinggi dari campurtangan politik, keadilan sosial,

pemuliharaan alam sekitar, aktivisme anak muda, penglibatan wanita muda dalam penggubalan dasar negara, hak orang asli dan lain-lain lagi.

Gerakan Anak Muda Demi Malaysia memetik kata Hurlock (1991) dalam mendefinisikan belia sebagai individu yang mempunyai kematangan mental, emosi, sosial dan fizik. Jurucakap Demi Malaysia menyatakan bahawa belia harus sentiasa kritikal dan mempersoal setiap perkara walaupun kadangkala mungkin untuk beberapa perkara sifat kritikal dan persoalan itu tidak perlu, atau tidak kena pada tempatnya. Belia harus sentiasa menyanggah, walau kadang sanggahan itu sedikit tersasar. Belia sifatnya memang sedikit gelojoh dalam membuat keputusan, tetapi sakit yang datang dari keputusan salah itu yang akan membawa kepada penilaian semula dan penyelesaian yang baru. Kegelojohan itu sendiri terhasil dari sifat keberanian belia. Belia juga memilki imaginasi yang segar, tidak dipengaruhi oleh agenda tertentu walaupun mudah dipengaruh, serta sentiasa berani untuk mencuba perkara dan idea baru. Sifat belia adalah melawan.

## **9.0 PENUTUP**

Kewujudan media sosial sebagai aplikasi dalam internet telah menjadi satu media baru di zaman era digital ini dan telah membawa perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Penggunaan media sosial ini telah menjadi satu bentuk medium penyampaian yang berkesan untuk menyebarkan ideologi termasuk fahaman sesat dan melampau yang melanggari ajaran Islam. Kemudahan dan keterbukaan media sosial memberi ruang yang luas untuk semua golongan melayari dan mencapai semua isu yang dipersoalkan dalam media sosial. Perkara ini semakin mencabar apabila pengguna media sosial yang paling ramai adalah terdiri dalam kalangan golongan belia. Media sosial menjadi alat yang mudah untuk menyebarkan pemikiran liberal kepada golongan belia.

Golongan belia di Malaysia dalam era moden ini sudah menunjukkan petanda perubahan dari segi gaya pemikiran dan hidup mereka, masa depan negara bergantung kepada cara hidup dan nilai yang ditanam ke dalam jiwa pada masa ini. Mahu tidak mahu, semua pihak termasuk ibu bapa dan agensi pendidikan perlu merangka satu mekanisme yang berupaya membantu golongan belia menapis semua maklumat dan persoalan semasa yang dilontarkan. Penggunaan media sosial seharusnya dikawal melalui rasional dan kematangan fikiran supaya tidak disalahgunakan untuk tujuan yang tidak sepatutnya. Cabaran yang berlaku ialah isu-isu yang dilontarkan oleh kumpulan berisiko menggunakan hujah yang

rasional dan logik sehingga dilihat benar oleh pandangan mata kasar dan mudah mempengaruhi belia yang tidak memahami maslahah dan maqasid agama.

Signifikan bagi nilai-nilai pemikiran liberal yang disanjung kumpulan berisiko dijadikan asas untuk mereka mempersoalkan pandangan autoriti dalam negara. Para sarjana Islam perlu merangka satu kerangka model pemikiran liberal sebagai garis panduan kepada semua pihak termasuk golongan belia berwaspada terhadap kepalsuan pemikiran liberal. Perkara ini berupaya membantu golongan ini menolak pemikiran liberal dan berani mempertahankan Islam dengan pengetahuan yang jelas tentang Islam.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Farouk Musa. 2014. *Wacana Pemikiran Reformis*. Jilid II. Islamic Renaissance Front.
- Antony Mayfield. 2008. What Is Social Media. <http://ebooksoneverything.com/marketing/WhatIsSocialMedia.pdf> (Akses 5 May 2015).
- <http://irfront.net/?s=Penang+Institute+>. Lihat juga <http://irfront.net/?s=G25+Malaysia+>.
- <http://irfront.net/about-irf/introduction/>
- <http://irfront.net/about-irf/vision-and-mission-statement/>
- <http://irfront.net/post/articles/uraian-wacana-pemikiran-reformis-jilid-iii-2/>
- <http://ngodpiexecom.org/>
- <http://www.mpvusa.org/annualreports/>
- <http://www.mpvusa.org/who-we-are/>
- <http://www.ned.org/region/asia/malaysia-2012/.>
- <http://www.ned.org/region/asia/malaysia-2014/.>
- <http://www.ned.org/region/asia/malaysia-2015/.>
- <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.506.79>
- <https://aidcnews.wordpress.com/2017/03/04/apabila-bukan-islam-mengajar-umat-islam-berkenaan-maqasid-syariah.>
- [https://en.wikipedia.org/wiki/Muslims\\_for\\_Progressive\\_Values](https://en.wikipedia.org/wiki/Muslims_for_Progressive_Values)
- <https://www.demimalaysia.net/>
- <https://www.prlog.org/12298027-muslims-for-progressive-values-secures-united-nations-consultative-status.html>
- <https://www.roketkini.com/2015/10/17/fuad-rahmat-projek-dialog-buka-ruang-isu-terpinggir-suburkan-idea-alternatif/>
- Ika Destiana et al. 2013. Penerimaan Media Sosial: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti di Palembang. *Jurnal Komunikasi*. 29 (2): 125-140.
- Kaplan, Andreas M., Michael Haenlein. 2010. Users of the world, unite! The challenges and opportunities of Social Media. *Business Horizons*. 53(1): 59–68.
- Siti Ezaleila Mustafa, et al. 2010. Media sosial: tinjauan terhadap laman jaringan sosial dalam talian tempatan. *Malaysian Journal of Media Studies*. 12: 37-52.